

24 NOV 2002

SUKAN: NEGARA ASEAN DIUNDANG SERTAI REGATTA LANGKAWI

LANGKAWI, 24 Nov (Bernama) -- Negara-negara Asean telah diundang menyertai Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Kedah Langkawi 2003 di sini selama tiga hari mulai 14 Februari tahun depan.

Pengerusi jawatankuasa kejohanan, Datuk Abu Bakar Taib berkata undangan kepada negara berkenaan termasuk Thailand, Singapura dan Indonesia akan dibuat secepat mungkin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dijemput melancarkan kejohanan itu yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Perahu Layar Kedah dan jabatan-jabatan kerajaan, katanya.

Pasukan yang bertanding boleh menghantar seberapa ramai pelayar kerana penganjur tidak meletakkan had penyertaan, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa penganjur kejohanan di Pejabat Daerah di sini hari ini.

Selain negara Asean, semua negeri di Malaysia akan dijemput mengambil bahagian dalam kejohanan yang mempertandingkan kategori Optimis dan Laser, katanya.

Abu Bakar yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian berkata kejohanan itu bertujuan menggalakkan penyertaan pelayar muda dalam usaha menyemarakkan aktiviti sukan layar di Langkawi.

Lebih 200 pelayar dalam dan luar negara dijangka menyertai kejohanan itu.

-- BERNAMA

ZI NH ZB